

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Isu perolehan vaksin

# KKM tubuh pasukan kerja rangka Kertas Putih

Langkah pastikan urusan telus, berintegriti demi manfaat rakyat

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) menubuhkan pasukan kerja untuk merangka Kertas Putih perolehan vaksin COVID-19, bagi memastikan ketelusan urusan berkenaan, yang dibuat ketika tempoh darurat akibat penularan pandemik.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata dokumen itu akan memberi gambaran secara menyeluruh pengurusan perolehan vaksin berkenaan dengan meneliti tatacara perolehan yang dilakukan bagi memastikan ketelusan demi manfaat rakyat keseluruhan.

"Ini berikutan penemuan awal pihak Jabatan Peguam Negara dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan

Perdana Menteri (JPM) yang menjalankan *due diligence* secara terperinci, khususnya terhadap terma perjanjian bekalan vaksin COVID-19 yang ditandatangani serta dibuat ketika tempoh darurat," katanya.

Rabu lalu, Datuk Seri Anwar Ibrahim, memaklumkan KKM akan membentangkan Kertas Putih perolehan vaksin dan kos berkaitan, yang sebahagiannya didakwa tidak mengikut peraturan serta ditandatangani tanpa persetujuan Jabatan Peguam Negara.

Perdana Menteri berkata, Kertas Putih berkenaan akan dibentangkan dalam Parlimen pada persidangan akan datang dan Dr Zaliha akan memperincikan perkara terbabit.

### Manfaat timbal balik

Mengulas lanjut, Dr Zaliha berkata, KKM akan memastikan sebarang urusan perolehan, termasuk perolehan vaksin COVID-19 di bawah kementerian itu dilaksanakan dengan lebih teliti dan berintegriti serta mempunyai manfaat timbal balik kepada kerajaan.

Ketika pelaksanaan darurat,

KKM akan pastikan sebarang urusan perolehan, termasuk perolehan vaksin COVID-19 dilaksanakan lebih teliti dan berintegriti serta ada manfaat timbal balik kepada kerajaan.

Dr Zaliha Mustafa,  
Menteri  
Kesihatan



Kementerian Kewangan (MoF) menurunkan kuasa kepada KKM serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi memuktamadkan perolehan vaksin di peringkat kementerian masing-masing.

Menurut MoF, langkah berkenaan adalah sebahagian daripada usaha untuk memudahkan dan menyegerakan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Datuk Seri Dr Adham Baba dan Khairy Jamaluddin, masing-masing Menteri Kesihatan dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi ketika COVID-19 melanda negara bermula 2020 sehingga Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) pada November 2022.

Kedua-dua kementerian itu juga diberi kelonggaran untuk menguruskan perbelanjaan berhubung pelaksanaan PICK tertakluk kepada siling peruntukan RM5.8 bilion yang diluluskan MoF.

Menteri Kewangan ketika itu, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz turut memberi penjelasan mengenainya kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NEGARA

## KKM tubuh pasukan khas rangka Kertas Putih vaksin Covid-19

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan (KKM) telah menubuhkan satu pasukan kerja khas bagi merangka Kertas Putih, yang bakal memberi gambaran secara komprehensif mengenai pengurusan perolehan vaksin Covid-19.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, penubuhan pasukan berkenaan adalah susulan daripada keputusan yang

dibuat pada mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang pada 18 Januari lalu.

"Kertas Putih ini akan meneliti tatacara pengurusan perolehan vaksin Covid-19 yang dilakukan adalah telus demi manfaat rakyat secara keseluruhannya.

"Ini berikutan penemuan awal oleh pihak Jabatan Peguam Negara dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan

Perdana Menteri yang menjalankan *due diligence* secara terperinci khususnya terhadap terma perjanjian bekalan vaksin yang telah ditandatangani serta dibuat semasa tempoh darurat," katanya.

Sehubungan itu, menurut Dr. Zaliha, bertepatan dengan keputusan mesyuarat Jemaah Menteri juga, KKM akan memastikan sebarang urusan perole-

han termasuk perolehan vaksin Covid-19 di bawah Kementerian tersebut dilaksanakan dengan lebih teliti, berintegriti serta memastikan ia mempunyai manfaat timbal balik kepada kerajaan.

Terdahulu, *Kosmo!* lalu melaporkan KKM akan membentangkan Kertas Putih mengenai perolehan vaksin Covid-19 serta kos berkaitan yang dikesan tidak mengikut peraturan pada sidang

Parlimen yang akan berlangsung bulan ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut dilaporkan berkata, menteri terlibat dipercayai telah menandatangani pembelian vaksin ketika tempoh pandemik bagi tujuan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) tanpa persetujuan Jabatan Peguam Negara.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

## Kanabis untuk perubatan: Kerajaan tunggu syor KKM

**BANGKOK** - Kerajaan Malaysia masih belum memutuskan sama ada akan membenarkan dari segi undang-undang, penggunaan kanabis bagi tujuan perubatan dalam negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan masih menunggu cadangan daripada Kementerian Kesihatan (KKM) berhubung perkara itu sebelum membuat sebarang keputusan.

"Setakat ini, kita belum melihat perkara ini secara serius, kita tunggu cadangan nanti. Isu ini turut melibatkan aspek keselamatan," katanya kepada pemberita di hari terakhir lawatan rasmi dua harinya ke Thailand pada Jumaat.

Bellau mengulas persoalan sama ada kerajaan akan meneruskan atau menghentikan penyelidikan berhubung penggunaan kanabis bagi tujuan perubatan.

Ogos lepas, Menteri Kesihatan ketika itu Khairy Jamaluddin Abu Bakar dalam lawatan kerja di Thailand, meninjau potensi penggunaan kanabis bagi tujuan perubatan, di samping melihat kerangka undang-undang yang berkaitan dengannya.

Khairy dilaporkan berkata, kerajaan kemudiannya akan mengkaji pengalaman Thailand dalam perkara itu untuk disesuaikan dengan konteks di Malaysia, sebelum memutuskan sama ada akan membenarkan atau tidak penggunaan kanabis bagi tujuan perubatan.

Thailand merupakan negara Asia Tenggara pertama yang membenarkan penggunaan kanabis bagi tujuan perubatan. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN  
 MUKA SURAT : 12  
 RUANGAN : NASIONAL

## Skandal Vaksin Covid-19: KKM tubuh pasukan kerja Kertas Putih

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menubuhkan pasukan kerja bagi merangka Kertas Putih susulan skandal perolehan vaksin Covid-19 yang didedahkan.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa berkata, langkah itu untuk memberi gambaran secara komprehensif mengenai pengurusan perolehan vaksin Covid-19.

"Kertas Putih ini akan meneliti tatacara perolehan yang dilakukan



DR ZALIHA

adalah telus demi manfaat rakyat secara keseluruhannya," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Tambah Dr Zaliha, ia berikutan penemuan awal oleh pihak Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang menjalankan *due diligence* secara ter-

perinci khususnya terhadap terma perjanjian bekalan vaksin Covid-19 yang telah ditandatangani serta dibuat semasa tempoh darurat.

"KKM akan memastikan sebarang urusan perolehan termasuk perolehan vaksin Covid-19 dilaksanakan dengan lebih teliti, berintegriti serta mempunyai manfaat timbal balik kepada kerajaan," ujarnya.

Rabu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mendedahkan perolehan dan kos vaksin Covid-19 yang dibuat sebelum ini tidak mengikut peraturan.

Katanya, perolehan bagi vaksin itu ditandatangani oleh menteri tanpa mendapat persetujuan daripada Peguam Negara (AG).

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION / NEWS

TRANSPARENCY

# 'WHITE PAPER TO STUDY COVID VACCINE PROCUREMENT'

Health Ministry team to draft document following Jan 18 cabinet decision

PUTRAJAYA

**T**HE white paper on the procurement of the Covid-19 vaccine will examine the procurement procedure transparently, for the benefit of the people, said Health Minister Dr Zaliha Mustafa.

She said the Health Ministry has established a working team to

draft the white paper following the decision of the cabinet meeting on Jan 18 to provide a comprehensive overview of the management of the procurement of the vaccine.

She added that the paper would examine the procurement procedures carried out, following initial findings by the Attorney-General's Chambers and the Le-



Health Minister Dr Zaliha Mustafa says the Health Ministry team will provide a comprehensive overview of the management of the procurement of the Covid-19 vaccine. FILE PIC

gal Affairs Division of the Prime Minister's Department that conducted detailed due diligence, particularly on the terms of the vaccine supply agreement, which has been signed and made during the emergency period.

"In line with the decision made during the cabinet meeting, the ministry will ensure that any procurement matters, including the procurement of the Covid-19 vaccine under this ministry, are car-

ried out more carefully, with integrity, and ensure that it has reciprocal benefits for the government," she said in a statement.

On Feb 8, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said the white paper on the acquisition and cost of the purchase of the Covid-19 vaccine would be tabled at the next parliament session, after it was found to have not followed procedures and done without the

agreement of the Attorney-General.

Anwar was reported to have said that the White Paper would be tabled because irregularities were detected.

It is believed that it did not follow regulations or the required process.

The procurement of certain types of vaccine was very doubtful in terms of the amount and cost involved. **Bernama**